



Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 13, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511  
Faks : 603-88886188

## **KENYATAAN AKHBAR YB MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

### **KEMATIAN KES POSITIF INFLUENZA A (H1N1)**

Kementerian Kesihatan ingin merujuk kepada beberapa pertanyaan berkaitan kematian jangkitan Influenza A (H1N1) yang berlaku di Hospital Universiti Sains Malaysia(HUSM), Kubang Kerian pada 28 Februari 2010. Mengikut laporan yang diterima daripada pihak HUSM, penyebab kematian kes ini dicatatkan sebagai “Septicemic Shock with Acute Respiratory Distress Syndrome secondary to H1N1 Infection”.

Kes ini adalah seorang wanita berumur 22 tahun, dimasukkan ke HUSM pada 15 Februari 2010 dengan riwayat telah mengalami demam dan batuk selama 8 hari. Kes mula mendapat rawatan di sebuah klinik swasta dan dirujuk terus ke HUSM pada hari yang sama. Kes terus dimasukkan ke wad dan rawatan antiviral influenza A(H1N1) terus dimulakan. Kes disahkan sebagai jangkitan influenza A(H1N1) pada 16 Februari 2010. Akibat komplikasi jangkitan paru-paru, pesakit telah dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi(ICU) hospital berkenaan pada 17 Februari 2010. Pesakit meninggal dunia 2 minggu kemudian dengan penyebab kematian dicatatkan sebagai “*Septicemic Shock with Acute Respiratory Distress Syndrome secondary to H1N1 Infection*”. Walaupun jangkitan influenza A(H1N1) bagi kes ini dikatakan sebagai ‘secondary’, kejadian kematian ini menunjukkan penularan H1N1 walaupun agak rendah boleh menyebabkan kematian jika rawatan awal tidak ambil.

Walaupun kematian akibat jangkitan influenza A(H1N1) tidak banyak berlaku pada masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia ingin menegaskan bahawa penularan jangkitan influenza A(H1N1) masih aktif di Malaysia dan berharap masyarakat akan terus mengamalkan langkah-langkah pencegahan yang telah disarankan bagi membendung

penularan jangkitan di kalangan masyarakat. Kementerian Kesihatan yakin dengan kerjasama dan penglibatan semua pihak, penularan influenza A(H1N1) di Malaysia dapat dibendung dengan sebaik mungkin untuk kesejahteraan semua. Di peringkat global, pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia(WHO) masih mengekalkan amaran tahap 6, pandemik H1N1 2009.

Sekian dan terima kasih.

**YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI**

Menteri Kesihatan Malaysia

Tarikh:1 Mac 2010